

**Pengalaman Alumni Fakulti Sains Perpustakaan: Puan Nor
Azmah Binti Abd Aziz**

Khairun Nawwar Binti Hairudin

Nurul Amiza Binti Hasdey

Siti Noorsiah Binti Jamaludin

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat

Jalan Universiti Off KM12 Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor.

ABSTRAK

Kajian sejarah lisan yang dijalankan ini melibatkan seorang tokoh yang merupakan alumni ITM yang telah berjaya dalam kariernya. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk merungkai sejarah dan pengalaman beliau sebagai seorang alumni Fakulti Sains Perpustakaan, ITM. Tokoh yang dipilih adalah Puan Nor Azmah binti Abd Aziz yang merupakan alumni dari tahun 1973. Tokoh adalah pesara pustakawan di Perpustakaan Negara. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membongkar tentang sejarah pendidikan dan pelbagai pengalaman yang telah dilalui oleh beliau semasa menuntut di ITM mahupun dalam bidang kerjayanya.

Kata kunci: Alumni, ITM, Sains Perpustakaan, Pustakawan, Sejarah lisan

ABSTRACT

This oral history study involved a figure who is an ITM alumni who has been successful in his career. The purpose of this study was to unravel her history and experience as an alumni of the Faculty of Library Science, ITM. The chosen figure is Puan Nor Azmah binti Abd Aziz who is an alumni from batch 1973. The figure now is a retired librarian at the National Library. Overall, this study revealed the history of education and various experiences that she has gone through while studying at ITM as well as in her career field.

Keywords: Alumni, ITM, Library Science, Librarian, Oral History

PENGENALAN

Universiti Teknologi Mara atau dikenali sebagai UiTM merupakan sebuah universiti di Malaysia yang berpusat di Shah Alam, Malaysia. UiTM ditubuhkan berlatarkan sejarah yang bertitik tolak dengan penubuhan RIDA iaitu Dewan Latihan RIDA yang kemudiannya telah bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA iaitu ITM. Kemudian, ITM telah diiktiraf menjadi salah satu pusat pengajian tinggi oleh pemimpin terdahulu yang ditukarkan menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM). Justeru, institusi tinggi ini juga berkembang dengan pesat menjadi salah satu institusi pendidikan tinggi yang terbesar di Malaysia berdasarkan perkembangan infrastrukturnya, organisasi kakitangan dan sebagainya.

Pada sekitar awal penubuhan ITM, banyak sejarah yang dilakarkan oleh para graduan yang terdahulu. Mereka adalah insan-insan yang menyimpan banyak coretan sejarah sepanjang mereka bergelar mahasiswa ITM. Sejarah, pengalaman, dan peristiwa yang disimpan oleh bekas alumni ini merupakan satu khazanah yang patut dirungkai dan diceritakan untuk tatapan umum dan rujukan sumber akan datang.

Menelusuri dengan lebih dalam, alumni yang terawal menyertai Kajian Sains Perpustakaan iaitu sekitar tahun 1968 sehingga 1978 patut dijadikan sandaran untuk menjalankan kajian untuk mengetahui dengan lebih lanjut sejarah pendidikan awal di ITM sehingga mereka berjaya di dalam kerjaya masing-masing. Pasti banyak pengalaman dan sumbangan yang disumbangkan oleh bekas alumni ITM ini. Rentetan itu, ketetapan kriteria untuk memilih tokoh dalam menjalankan kajian ini perlu ditetapkan.

Tambahan pula, alumni-alumni ITM bukan sahaja mencipta sejarah dalam pengajian mereka, malahan ramai juga antara alumni-alumni tersebut diangkat menjadi tokoh dengan sumbangan mereka di bidang masing-masing. Maka, pengkisahan sejarah terhadap alumni-alumni ITM dapat memberi impak yang positif dan sumbangan yang terbaik dalam bidang mereka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kerjaya dalam bidang Sains dan Perpustakaan dianggap sebagai pekerjaan yang sangat dikagumi dan memerlukan kemahiran yang tinggi malahan Kajian Sains Perpustakaan ini adalah dianggap sebagai sumbangan yang besar dalam bidang tersebut dan penting bagi masyarakat dan negara (Shairi, 2000). Menurut Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (2019) profesion atau kerjaya sebagai pustakawan atau pengurus maklumat ini merupakan suatu kerjaya yang cukup tinggi martabatnya dan semakin penting di abad ke-21 ini dalam membantu pembangunan insan dan negara. Oleh itu, kajian sejarah lisan ini dijalankan untuk merungkai sejarah dan perkembangan bidang sains perpustakaan melalui tokoh yang dipilih. Adalah merupakan satu kerugian sekiranya sejarah dan perkembangan sains perpustakaan ini tidak direkodkan atau didokumentasikan melalui sumber primer (tokoh) yang masih boleh diwawancara.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian sejarah lisan dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu:-

- a) untuk mengetahui sejarah kehidupan tokoh yang membawa kepada kejayaannya.
- b) untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang pengalamannya sebagai mahasiswa ITM dan sepanjang kerjayanya.
- c) untuk mendokumentasikan sejarah dan sumbangan tokoh.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan-persoalan kajian adalah berdasarkan objektif kajian yang hendak dicapai. Antara persoalan kajian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a) Apakah sejarah kehidupan tokoh yang membawa kepada kejayaannya?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang bergelar mahasiswa ITM dan sepanjang tempoh kerjayanya?
- c) Apakah nilai sejarah dan maklumat yang dapat direkodkan dan didokumentasikan mengenai tokoh?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian sejarah lisan dapat memberi manfaat dan sumbangan dari aspek berikut:

a) Sumbangan terhadap individu dan organisasi

Melalui pengkisahan sejarah ini, tokoh dapat menceritakan sejarah dan sumbangannya di dalam bidang yang diceburinya. Secara tidak langsung sumber ini dapat digunakan sebagai rujukan kepada individu dan organisasi yang terlibat.

b) Sumbangan terhadap masyarakat

Kajian sejarah lisan ini dapat memberikan sumber yang sahih dalam penyelidikan dan sekaligus dapat menjadi rujukan untuk generasi akan datang.

c) Sumbangan terhadap fakulti

Kajian sejarah lisan ini dapat menyumbang kepada pendidikan dan sumber rujukan untuk menyokong mahasiswa yang terlibat dalam pengkisahan sejarah.

d) Sumbangan terhadap negara

Sejarah lisan juga amat penting kerana ia dapat menambahkan lagi sumber sejarah dan membantu persatuan-persatuan sejarah dalam memperkembangkan lagi koleksi sumber primer bagi tujuan rujukan semua lapisan masyarakat.

Secara kesimpulannya, sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa sejarah bagi merekodkan maklumat yang benar melalui sumber yang sahih (tokoh) bagi tujuan rujukan dan memori akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Peranan pustakawan adalah untuk menguruskan bahan-bahan di dalam perpustakaan agar tersusun dan memudahkan sumber diperolehi, namun dengan perkembangan teknologi yang diadaptasi oleh perpustakaan memudahkan lagi pencarian maklumat dalam masa yang singkat (Baharuddin, 2011). Menurut Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (2009) pustakawan

merupakan pakar dalam pengurusan maklumat yang mahir dalam mengenalpasti maklumat termasuk memilih, mengakses, mengkatalog, mengklasifikasikan dan menjadi perunding kepada pengguna perpustakaan. Selain itu, Shairi (2000) menegaskan bahawa pustakawan adalah insan yang berkemahiran tinggi dalam mencari maklumat, mereka boleh dijadikan tempat rujukan bagi mendapatkan maklumat dan membantu dalam membuat keputusan untuk pencarian bahan rujukan.

Kewujudan profession pustakawan dianggap relevan sepanjang zaman kerana perkhidmatan mereka adalah untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat yang dapat menyumbang kepada masyarakat berpengetahuan (Shairi, 2000). Selain itu, Zuraimi (2019) kerjaya sebagai seorang pustakawan mempunyai pelbagai cabaran dan amat berbeza dengan kerjaya-kerjaya yang lainnya kerana pustakawan perlu mengimbangi perubahan yang berlaku disebabkan perkembangan teknologi dan juga sikap pengguna masa kini. Baharuddin (2011) juga menyatakan cabaran yang dihadapi oleh pustakawan dalam zaman informasi teknologi bukanlah penamat bagi kerjaya sebagai seorang pustakawan tetapi sebagai pendukung bagi memudahkan penyaluran informasi dan maklumat.

Maka, dapat disimpulkan bahawa pustakawan dan perkhidmatan perpustakaan adalah kekal relevan di masa akan datang walaupun dengan kehadiran kepelbagaian sumber teknologi (Zuraimi, 2019). Justeru itu, pengkisahan sejarah ini dapat memberi sumber yang baik dalam mendalami perkembangan sains perpustakaan.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data dan maklumat dari tokoh. Nota lapangan dan diari penyelidikan merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian ini. Sumber maklumat yang diperolehi dalam kajian adalah daripada hasil temu bual dan soal selidik. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling efisien dan tepat untuk mendapatkan maklumat yang jelas.

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini meliputi tiga aspek iaitu persediaan, pelaksanaan dan rakaman:

- a) Persediaan - penyelidik melakukan pencarian tokoh melalui beberapa laman web yang berkaitan berdasarkan kriteria pemilihan tokoh. Kemudian, penyelidik melakukan kajian untuk mendapat sumber maklumat bagi soalan penyelidikan.
- b) Pelaksanaan - menghubungi tokoh tersebut untuk mendapatkan kepastian dan keizinan untuk menjalankan sesi temu bual.
- c) Rakaman - Temu bual yang dijalankan melalui platform "Google Meet" selama dua jam atas melalui persetujuan bersama tokoh.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Tokoh



Gambar 1: Tokoh Alumni ITM, Puan Nor Azmah Binti Abd Aziz

Tokoh yang dipilih dalam kajian ini adalah Puan Nor Azmah binti Abd Aziz. Tokoh dilahirkan pada 30 Mei tahun 1952. Tokoh merupakan penuntut ITM sekitar tahun 1973 hingga 1976. Tokoh mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kajang dan mengambil aliran Inggeris. Kemudian tokoh meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Convent Kajang dan tokoh melanjutkan pelajarannya di tingkatan enam iaitu di Sekolah John Institution,

Kuala Lumpur. Seterusnya tokoh meneruskan pelajarannya dalam bidang sains perpustakaan di ITM.

Keluarga tokoh sangat mendorong tokoh dalam bidang yang dipilihnya. Dalam perjalanan pendidikannya, tokoh banyak mengikuti kursus-kursus profesional sama ada yang dianjurkan oleh pihak ITM mahupun kursus-kursus profesional yang terbuka kepada umum.

Sejarah Pengalaman Menuntut di ITM

Melalui kajian, didapati tokoh merupakan seorang yang sangat berkaliber dan aktif semasa bergelar penuntut ITM sekitar tahun 1973 sehingga 1976 di Jalan Othman pada ketika itu. Namun, pada semester tiga hingga empat, tokoh ditempatkan ke ITM Shah Alam. Pada ketika itu, tokoh mengambil Kajian Sains dan Perpustakaan sebagai bidang pengajiannya yang utama dan pihak Universiti telah menetapkan beberapa subjek untuk diambil bagi melengkapkan bidang tersebut. Silibus pendidikan pada ketika itu berlandaskan persekitaran yang formal iaitu dengan belajar secara bersemuka.

Tenaga pengajar pada ketika itu tidaklah banyak iaitu hanya seramai dua puluh orang pengajar sahaja. Namun begitu, ingatan beliau masih segar bagaimana cara pengajaran dan beberapa tenaga pengajarnya pada ketika itu. Tenaga pengajarnya pada ketika itu disifatkan oleh tokoh sebagai seseorang sangat berwibawa. Keistimewaan ini menyebabkan tokoh dapat menguasai bidangnya dengan baik sekaligus memberi pengalaman terindah buat tokoh dan rakan-rakan seangkatannya.

Kehidupan tokoh di asrama merupakan satu pengalaman yang indah bersama rakan-rakan seperjuangannya. Setiap asrama mempunyai blok-blok dan terdapat ramai penuntut ITM yang berbeza bidang. Namun begitu, tokoh juga mempunyai kenangan pahit semasa menuntut di ITM iaitu kehadiran seorang ahli politik untuk menyeru para pelajar untuk membuat rusuhan tunjuk perasaan di Tugu Negara.

Pengalaman Kerjaya

Tokoh bukan seorang yang lahir dalam kalangan keluarga yang senang. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk bekerja selepas tamat pengajian Sijil Pelajaran Malaysia bagi membantu keluarganya. Selepas tamat menuntut di ITM, tokoh bekerja di UMNO Headquarters Research Library di Jalan Tunku Abdul Rahman dan ditugaskan untuk menjaga koleksi-koleksi bahan yang berkaitan sejarah politik ketika itu. Selain itu, beliau juga pernah bekerja di Institut Terjemahan Negara dan berpengalaman juga menguruskan kawasan peranginan D'Ark Resort di Janda Baik.

Sumbangan

Tokoh banyak memberi sumbangan dalam bidang kepustakawanan dan seringkali mendapat penghargaan daripada Ketua Pengarah. Antara sumbangan kepustakawanan yang pernah disumbangkan oleh adalah menguruskan Malaysian Technical Cooperation Program di Perpustakaan Negara, membantu penyelidikan di perpustakaan, dan menjalankan perpustakaan bergerak di sekitar kawasan pedalaman. Sumbangan yang diberikan tokoh ini adalah untuk membantu masyarakat dalam mencapai matlamat ke arah pendidikan yang berkualiti dan saksama.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik, didapati tokoh yang dipilih boleh dijadikan teladan sebagai seorang pustakawan yang sangat komited dalam kerjayanya. Penyelidik telah berjaya mencungkil pengalaman dan sejarah pendidikan tokoh di ITM serta kerjayanya sebagai pustakawan.

Oleh itu, sejarah lisan merupakan kaedah yang penting bagi memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah melalui peristiwa yang dikaji. Malahan, sejarah lisan adalah satu-satunya sumber yang dapat memberikan gambaran yang lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah atau pengalaman yang dialami oleh seseorang individu ataupun tokoh.

RUJUKAN

- Baharuddin, F. (2011, August 2). Kepentingan Pustakawan Dalam Mewujudkan Masyarakat Bermaklumat di Malaysia: sebuah pandangan. Malaysia.
- Freddie Aziz Jasbindar. (2019, 3 April). *Kisah pembukaan universiti teknologi mara*. Dimuat turun pada 7 November 2020, daripada <https://www.sejarah.my/kisah-pembukaan-universiti-teknologi-mara-uitm/>
- Nasir, N. (n.d.). *Sejarah Tokoh*. Diterima daripada: https://www.academia.edu/12010917/Sejarah_tokoh
- Nazrudin. (2013, 29 Ogos). *Sejarah lisan sebagai sumber dan pengkaedahan sejarah di Malaysia*. Dimuat turun pada 8 November 2020, daripada <http://amoichantek12.blogspot.com/2013/08/sjh3104-sejarah-lisan-sebagai-sumber.html?m=1>
- Nor, A. (2020, Disember 3). Personal interview [Personal interview]
- Rasdi, A.-M. A. (2012). Tinjauan Faktor-faktor Pendorong. *OSIOHUMANIKA*, 185-202.
- Rosfazila Abd, R., & Abdul Razif, Z. (2016). *Dato Mahamud Bin Abdul, Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara: Suatu*. ResearchGate.
- Shairi, Z. B. (2000). PERPUSTAKAAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG. *International Conference on Teaching and Learning*
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (2007). *Sejarah Lisan*. Dimuat turun pada 7 November 2020, daripada <http://www.ukm.my/sejarah/>
- Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. (2009). *Dasar pemeliharaan dan pemuliharaan sumber maklumat perpustakaan*. Dimuat turun pada 9 November 2020, daripada http://www.pustaka.usm.my/index.php?option=com_remository&Itemid=26&func=startdown&id=232
- Zuraimi, M. S. (2019, April 25). *PPM News*. Retrieved from Librarians Association of Malaysia: <https://beritappm.wordpress.com/2019/04/25/perananpustakaakademik-eraletusan/>